

40% pelajar KUIM ikuti ijazah sarjana, Ph.D

UM 23 AUG 2002
NILAI 22 Ogos — Sebanyak 40 peratus pelajar di Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) akan mengikuti ijazah sarjana dan Ph.D sejajar dengan tumpuan kolej itu dalam bidang pendidikan dan penyelidikan.

Pengerusi Lembaga Pengarah KUIM, Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor berkata, disiplin pengajian ijazah pertama sebanyak 60 peratus lagi adalah untuk pelbagai bidang termasuk Pengajian Islam, Sains dan Teknologi dan Perubatan.

“Sebagai sebuah kampus universiti Islam terbaru yang menggunakan nama Kolej Universiti, ia akan berusaha sedaya upaya untuk menjadi sebuah universiti Islam terkini dalam pengajian pendidikan dan penyelidikan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis pecah tanah KUIM yang disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, di Bandar Baru Nilai, dekat sini, hari ini.

Pada masa ini, KUIM mempunyai 1,239 pelajar siswazah dan mereka kini ditempatkan di kampus sementara di Kampung Pandan, Kuala Lumpur.

Kampus tetap KUIM di Bandar Baru Nilai dijangka akan menerima pelajar-pelajar tersebut secara beransur-ansur tahun depan.

Dijangka apabila fasa pertama pembinaan kampus itu siap pada tahun 2004, ia mampu menampung 5,000 pelajar dan apabila siap sepenuhnya pada tahun 2010, sebanyak 10,000 pelajar akan ditempatkan di kampus tersebut.